

KELOMPOK (Part 6)

Rahimei Mohd Iqbal B. Abdul Malik, Rustam Bin Hashim & Syed Syamsul Faizal Bin Syed Zakariya

TAHAP SOSIALISASI KELOMPOK

Menurut Johnson dan Johnson (1987) yang dikemukakan oleh Roucek dan Warren, terdapat sembilan tahap dalam proses sosialisasi sesebuah kelompok. Tahap-tahap tersebut adalah;

➤ **Tahap Pertama : Penyiasatan**

Penilaian dari pelbagai sudut oleh individu yang ingin menyertai sesuatu kelompok tersebut. Contoh : Penyertaan dalam satu kelab / persatuan... Adakah sesuai?

➤ **Tahap Kedua : Kemasukan**

Ahli baru diraikan oleh kelompok Contoh : Minggu Suaikenal Mahasiswa

➤ **Tahap Ketiga : Sosialisasi**

Matlamat dan norma individu dan kelompok bergabung. Sosialisasi asas mempunyai unsur emosi dan efektif (Agen - Keluarga) Sosialisasi sekunder: proses ke alam dewasa (Agen – sekolah, kelab dan rakan)

➤ **Tahap Keempat :Penerimaan**

Transisi dari ahli baru kepada ahli yang sebenar. Ahli baru akan masuk dan saling mengenali ahli lama. Ahli lama juga menerima ahli baru. Aspek ketaatan kepada kepimpinan juga diterapkan dalam tahap ini bagi mencapai matlamat dan halatuju

➤ **Tahap Kelima : Pengekalan**

Penstrukturan organisasi ahli baru ke dalam kelompok berasaskan sumbangan yang telah diberikan. Interaksi dan komunikasi dalam tahap ini perlu untuk mewujudkan kerjasama yang baik

➤ **Tahap Keenam : Perubahan**

Terjadinya kontradiksi idea, nilai mahupun tingkah laku ahli baru terhadap kelompok dan sebaliknya. Mula mengalihkan pandangan dan lenyapkan komitmen terhadap ahli.

➤ **Tahap Ketujuh : Sosialisasi Semula**

Sekiranya berlaku perpisahan, sosialisasi semula berlaku dengan tiga cara :

- 1 . Selesaikan penentangan personaliti individu
2. Ubahsuai persekitaran individu
3. Ubah seluruh konfigurasi institusi itu sendiri

Jika perundingan yang dijalankan berjaya, individu akan menyertai semula kelompok tersebut manakala jika sebaliknya, perpisahan akan berlaku.

➤ **Tahap Kelapan : Penarikan Diri**

Berlaku apabila terjadi penurunan prestasi dan komitmen seseorang individu. Individu akan dikeluarkan dalam sesebuah kelompok. Rundingan akan mengambil masa yang lama untuk hadapi situasi.

➤ **Tahap Kesembilan : Kenangan**

Hubungan individu dengan kelompok yang disertai akan tamat. Individu tersebut akan mendapat pengalaman positif ataupun negatif. Kenangan pahit dan juga manis. Namun begitu, penilaian individu terhadap kelompok masih berterusan